

**AMANAT TAHUN 2014**  
**OLEH**  
**KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

## Assalamualaikum wm. wb./Salam Sejahtera/Salam 1Malaysia/Salam Statistik

Tuan/Puan,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan rahmat-Nya tahun 2013 telah kita lalui dengan jayanya. Melangkah ke tahun 2014 ini, semoga ia disambut dengan azam dan semangat yang terus membara. Saya mengucapkan "Selamat Tahun Baru 2014" kepada semua warga Jabatan Perangkaan Malaysia dan para pengguna statistik sekalian.
2. Banyak pencapaian membanggakan yang telah dilakarkan sepanjang tahun 2013 merangkumi produk baru, penambahbaikan dalam aspek sistem penyampaian perkhidmatan dan jalinan pintar dengan agensi dan institusi pengajian tinggi berkaitan. Alhamdulillah, dengan semangat kerja secara berpasukan, bertanggungjawab dan komitmen seluruh warga Jabatan telah membawa kejayaan kepada aktiviti-aktiviti yang dirancang.
3. Bagi mencapai negara yang maju dan kemakmuran yang berterusan, statistik memainkan peranan yang penting dalam setiap polisi dan keputusan penting kerajaan. Dalam persaingan dunia yang semakin hebat dan merentasi sempadan, perancangan yang tepat dan keputusan berteraskan bukti adalah merupakan pra syarat untuk menentukan masa depan dan kelangsungan tahap daya saing negara. Pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan *blue print* kerajaan seperti Dasar Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME) Kebangsaan perlu disokong dengan statistik yang berkualiti, berintegriti dan bertepatan masa. Peranan dan kerjasama semua pihak amat penting dalam memenuhi keperluan penggubal dasar dan masyarakat amnya terhadap statistik untuk tujuan perancangan yang berkesan.

4. Untuk mendapatkan statistik yang berkualiti daripada responden penyiasatan dan banci yang dilaksanakan oleh Jabatan, pelbagai langkah telah dilaksanakan antaranya ialah pemodenan pengumpulan statistik. *e-Survey* yang diperkenalkan kepada Penyiasatan Pembuatan Bulanan pada tahun 2008 kini telah dikembangkan kepada semua penyiasatan bulanan dan suku tahunan yang melibatkan pertubuhan. Penggunaan *e-Survey* telah meningkat daripada 627 pada tahun 2010 kepada 21,430 pada tahun 2012. Bagi tempoh Januari – November 2013 sahaja, seramai 25,794 responden telah menggunakan *e-Survey*. Selain *e-Survey*, penggunaan *Personal Digital Assistant (PDA)* dan *Computer Aided Telephone Interview (CATI)* sedang diuji untuk pungutan harga dan Penyiasatan Tenaga Buruh. Pemodenan proses pengumpulan statistik ini akan diterjemah kepada peningkatan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dengan sokongan dan kerjasama responden kepada penyiasatan yang dilaksanakan oleh Jabatan. Kaedah ini juga menyumbang kepada pengurangan kos pelaksanaan kerja luar dan meningkatkan keberkesanan pengumpulan maklumat.
5. Tahun 2013 merupakan tahun ke empat pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan 2010– 2014. Pemantauan setiap separuh tahun dapat memastikan perancangan aktiviti selaras dengan perancangan dan perkembangan serta keperluan semasa. Alhamdulillah, banyak perancangan yang telah berjaya dilaksanakan. Justeru, pada tahun 2014 ini, Jabatan perlu bersedia dengan penyediaan Pelan Strategik 2015 – 2020, mengambil kira cabaran, ekspektasi dan kehendak pengguna seiring dengan wawasan kerajaan ke arah mencapai negara maju menjelang 2020. Menjadi tanggungjawab semua warga Jabatan untuk memastikan perancangan ini kelak dapat dilaksanakan.
6. Pengumuman penemuan utama Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2012 juga telah diadakan di Majlis Sidang Media pada 27 Mac 2013 oleh YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop yang pada ketika itu masih

memegang portfolio Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dua produk Jabatan iaitu Indeks Perkhidmatan (IoS) dan *Job Creation* telah menjadi KPI kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 2013 dan KPI ini masih diteruskan pada 2014. Pencapaian bagi dua KPI ini sentiasa di pantau secara bulanan oleh Jabatan dan pihak PEMANDU. Selain daripada itu, Indeks Perkhidmatan Harga Pengeluar (SPPI) dan Perangkaan Perkhidmatan Perdagangan Antarabangsa (SITS) pula akan terus di mantapkan. Jabatan juga telah berjaya mengeluarkan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ISCTSA) bagi tahun 2005 – 2012 yang mana dalam laporan tersebut, enam indikator telah dikeluarkan iaitu sumbangan ICT kepada KDNK; pengeluaran tempatan produk ICT mengikut industri; penawaran dan penggunaan produk ICT; import dan eksport produk ICT; komponen pendapatan mengikut industri ICT dan pekerjaan di industri ICT. Manakala, Penyiasatan Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2014 akan dilaksanakan bagi indikator yang ketujuh. Maklumat-maklumat yang diperolehi daripada laporan ICTSA dan juga penyiasatan ini akan menjadi Penunjuk ICT yang membantu Kerajaan dalam pembangunan ICT Negara dan penjana Ekonomi Digital.

7. Ucapan terima kasih dirakamkan oleh semua warga Jabatan kepada YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop yang telah menjadi Menteri kepada Jabatan semenjak 10 April 2009 sehinggalah April 2013. Majlis bersama Menteri telah diadakan pada 25 April 2013 bagi menghargai jasa-jasa beliau kepada Jabatan. Seterusnya, Jabatan juga telah menyambut YB Senator Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar sebagai Menteri Di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada Jabatan dan juga YB Dato' Razali bin Ibrahim, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan Sesi Perhimpunan Pagi dan Taklimat yang diadakan pada 2 Julai 2013.
8. Penambahbaikan berterusan dalam pelbagai aspek berkaitan *Generic Business Statistical Process Model* akan diteruskan dalam mengaplikasikan

pelaksanaan fungsi utama Jabatan. *National Enterprise Wide Statistical System* (NEWSS) Fasa II telah dilaksanakan dengan Perdagangan Edaran Suku Tahunan, Penyiasatan Binaan Suku Tahunan dan Penyiasatan Suku Tahunan Perkhidmatan. Aktiviti penyiasatan akan dapat dilaksanakan secara bersepadu (*integrated*) dan ini dapat meningkatkan kecekapan (*efficiency*) pelaksanaan penyiasatan.

9. Sesi bersama responden di peringkat Negeri yang merupakan tahun kedua diadakan pada tahun 2013 masih diteruskan. Usaha ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkat kualiti perkhidmatan awam dan juga misi Jabatan untuk menghasilkan data yang berintegriti dan *reliable*, berkualiti dan bertepatan masa. Responden memainkan peranan yang penting dalam menyumbangkan data berkualiti kepada Jabatan dan sesi seumpama ini secara tidak langsung dapat mendekatkan Jabatan dengan responden. Sesi bersama responden ini telah berjaya memberi ruang kepada Jabatan untuk mengeratkan serta menjalinkan hubungan yang baik dengan responden dan memberi kefahaman yang lebih baik berkaitan keperluan data berkualiti dan kegunaan data yang dikumpulkan. Sesi pada tahun ini telah diperluaskan kepada isi rumah dengan pendekatan diberikan kepada komuniti di kawasan bandar seperti di *apartment*, kondominium dan kawasan perumahan elit yang sukar untuk memperoleh kerjasama.
10. Antara kejayaan yang dilakar pada tahun 2013 ialah kerjasama strategik yang dimeterai dan diperbaharui seperti yang digariskan dalam PSJ 2010-2014. Buat pertama kalinya, Jabatan telah berjaya memperluaskan hubungan jalinan pintar dengan institusi pengajian tinggi dengan termeterainya Memorandum Persefahaman (MoU) bersama pihak Universiti Malaya pada Oktober 2013 dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) pada 12 Disember 2013 baru-baru ini. Jalinan kerjasama ini akan dapat meningkatkan aspek perkongsian ilmu dan menyebarkan penggunaan dan analisis data. Pada awal tahun, MoU juga telah dimeterai dengan

Malaysia *Biotechnology Corporation* dan MoU diperbaharui dengan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) yang telah terjalin sejak 1996 dan juga *Construction Industry Development Board* (CIDB). Beberapa sesi kunjungan hormat telah berjaya dilaksanakan dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Buat pertama kalinya juga Jabatan telah mengadakan Majlis Apresiasi Bersama Pihak Media yang bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan antara Jabatan dan Media. Majlis seperti ini akan diadakan sebagai aktiviti tahunan Jabatan bagi memastikan hubungan baik yang berterusan kerana Jabatan dan Media saling memerlukan. Untuk tahun 2014 ini, beberapa MoU dengan IPTA akan dilaksanakan iaitu bersama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Utara Malaysia. Hubungan kerjasama antara agensi ini akan diteruskan bagi memastikan peranan Jabatan Perangkaan Malaysia sebagai Penjana Statistik Negara dapat dipertingkatkan dan diperluaskan.

11. Sempena dengan Sambutan Tahun Statistik Antarabangsa 2013 (IYOS 2013) yang dipelopori oleh *International Statistical Institute* (ISI) dan *American Statistical Association* (ASA) serta disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sebanyak 128 buah negara dan 2,250 organisasi/pertubuhan statistik antarabangsa termasuk Jabatan telah menyertai sambutan ini. Sempena IYOS 2013, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dan antara aktiviti utama ialah Larian Statistik 2013 (*StatsRun* 2013) yang diadakan pada 26 Oktober 2013. Acara yang dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri ini telah berjaya direalisasikan dengan penyertaan seramai 2,000 orang. Di samping itu, *The 2nd National Statistics Conference* 2013 anjuran bersama Jabatan dan Bank Negara Malaysia juga telah diadakan pada 18 November 2013 di mana ucap-tama sesi ini telah diberikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Jabatan telah membentangkan dua kertas bertajuk "*Transcending The Traditional Approach Through Satellite Account*" dan "*Strengthening Statistical Compilation and Usage of Relevant Statistics in Malaysia*". *Live Telecast 59th ISI World Statistics Congress* pada 25 - 30 Ogos 2013 juga telah diadakan bagi membolehkan warga Jabatan mengikuti sesi ISI yang

berlangsung di Hong Kong. Kerjasama antara semua peringkat anggota Jabatan dalam menjayakan aktiviti sempena IYOS menunjukkan semangat setia kawan antara semua anggota Jabatan.

12. Portal Jabatan adalah medium utama penyebaran data Jabatan. Kandungan laman web akan sentiasa ditambah baik daripada masa ke semasa bagi memastikan Jabatan seiring dengan perkembangan teknologi terkini dan juga kaedah komunikasi semasa. *Facebook* rasmi Jabatan dan juga *twitter* terus diperluaskan penggunaannya dan maklumat-maklumat terkini disebarkan kepada pengguna Jabatan. Perkhidmatan *e-services* juga telah diperkenalkan pada April 2013 antara lain memudahkan pengguna mendapat maklumat terkini berkenaan dengan produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan dan membuat pembayaran secara *online*. Sehingga Disember 2013, seramai 4,692 telah mendaftar dengan *e-services*, sebanyak 126 penerbitan boleh dimuat turun melalui atas talian berbanding 108 penerbitan pada tahun 2012 manakala bilangan *hits* bagi muat turun percuma penerbitan pula adalah sebanyak 549,872 bagi tempoh Januari hingga November 2013 sahaja berbanding 396,097 pada tahun 2012. Kemudahan portal Jabatan akan terus menjadi medium perkhidmatan yang berinformasi dan digunakan secara meluas, diakses dengan mudah dan cepat. Pada tahun 2013, Jabatan juga telah berjaya memperoleh pengiktirafan persijilan ISO *Information Security Management System (ISMS)* dari pihak SIRIM bagi perkhidmatan sistem pengurusan keselamatan maklumat bagi pengurusan dan pengoperasian data. Seterusnya pada 2014, portal Jabatan akan ditambahbaik dari aspek persembahan, kandungan dan juga keselamatan.
13. Pada tahun 2013, Jabatan meneruskan penyertaan yang aktif dalam aktiviti statistik peringkat antarabangsa. Pembabitan di peringkat antarabangsa ini membolehkan Jabatan sentiasa mengikuti perkembangan statistik antarabangsa dan produk yang dihasilkan sentiasa menepati piawaian antarabangsa. Antara mesyuarat utama di peringkat antarabangsa yang telah disertai pengurusan/wakil pengurusan ialah *44th Session of the*

*United Nations Statistical Commission, New York; Second Session of OIC Statistical Commissions, Turki; Regional Advisory Board International Comparison Programme; dan SIAP Governing Council, Jepun.* Selain daripada itu, Jabatan secara aktif terlibat dalam mesyuarat di peringkat ASEAN iaitu *ASEAN Community Statistical System (ACSS) Committee* dan *ACSS Sub Committee on Planning and Coordination*. Jabatan juga terlibat dalam kumpulan kerja statistik di peringkat ASEAN yang berkaitan *Foreign Direct Investment, Trade in Services, International Merchandise Trade, Millineum Development Goals* dan *ACPMS*. Malaysia amnya dan Jabatan khasnya yang diwakili oleh Ketua Perangkawan telah diberi penghormatan dan mandat selama dua tahun lagi sehingga 2014 sebagai Pengerusi *Working Group on Data Dissemination and Analysis (WGDSA)* yang mana *WGDSA* memainkan peranan penting dalam membangunkan dasar penyebaran data peringkat ASEAN. *The 2nd Training on Statistical Data Dissemination* dan *The 5th Meeting of WGDSA* juga telah dihoskan oleh Jabatan buat kali kedua dan dihadiri oleh semua wakil daripada agensi statistik negara anggota ASEAN pada Julai dan Ogos 2013 yang lalu.

14. Jabatan juga terus menerima lawatan sambil belajar daripada delegasi badan statistik negara lain dan kunjungan hormat institusi antarabangsa. Pada tahun 2013, lawatan telah diterima daripada pelajar daripada *University Groningen, Netherlands, Korea Association for ICT Promotion (KAIT), Kementerian Perindustrian Republik Indonesia, delegasi daripada Nepal dan World Bank*. Bagi meningkatkan pembangunan modal insan (*capacity building*) pula, Jabatan turut menghantar pegawai untuk menjalankan program sangkutan (*attachment*) ke Australia, New Zealand dan Amerika Syarikat. Ia bertujuan untuk mengambil peluang belajar dan membuat penandaarasan (*benchmarking*) dalam membangunkan indikator baru seperti penyusunan statistik perkhidmatan dan indeks harga pengeluar perkhidmatan. Penglibatan dalam bengkel, seminar, mesyuarat dan kumpulan pakar (*expert groups*) bidang tertentu telah menyumbang kepada pembangunan statistik peringkat antarabangsa dan juga meningkatkan kapasiti peringkat Jabatan. Jabatan turut membantu agensi



dalam negara yang memerlukan perkhidmatan statistik dalam aspek metodologi penyelidikan. Sejumlah 35 perkhidmatan statistik telah diberikan pada tahun 2013 berbanding 41 pada tahun 2012.

**Warga Jabatan yang di hormati sekalian,**

15. Kelangsungan sesebuah organisasi disumbangkan oleh aktiviti inovasi yang berterusan. Aktiviti kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang dijalankan iaitu pra-konvensyen bagi sambutan hari inovasi dan kreativiti bagi mendapatkan idea-idea baru di Jabatan terus dijalankan. Pertandingan yang telah melibatkan sebanyak 28 penyertaan ini amatlah memberangsangkan. Cetusan idea yang bernas telah dicurahkan dan diberikan dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan. Tahniah diucapkan kepada kumpulan yang menyertai pra-Konvensyen KIK peringkat Jabatan dan juga kepada 14 kumpulan yang telah berjaya menempatkan diri ke peringkat akhir bagi kategori pengurusan dan teknikal. Semoga 2014 ini akan memberi kejayaan dan diharapkan warga Jabatan akan lebih aktif dengan memberikan idea-idea baru untuk mempertingkatkan perkhidmatan statistik.
  
16. Pembangunan sumber manusia yang berterusan juga adalah teras kepada *agility* sesuatu organisasi dan Institut Latihan Statistik Malaysia (ILSM) adalah jantung kepada hasrat Jabatan untuk mewujudkan modal insan yang kompeten. Selaras dengan hasrat Jabatan untuk meningkatkan literasi statistik, pada tahun kedua tahun ILSM beroperasi, 16 daripada 91 kursus yang dilaksanakan pada tahun 2013 telah dibuka kepada agensi kerajaan lain. Antara kursus yang telah dibuka ialah Penganalisan Data Menggunakan Perisian STATA, Anggaran dan Unjuran Penduduk, Perdagangan dan Perniagaan di Malaysia dan Asas Metodologi Penyelidikan. Selaras dengan Strategi Lautan Biru Nasional dan 1MTC, fasiliti ILSM juga telah dikongsi sebagai tempat latihan/mesyuarat/bengkel oleh agensi lain seperti Jabatan Pendidikan, Jabatan Perkhidmatan Awam dan lain-lain. Di peringkat antarabangsa pula, ILSM telah melakar sejarah

dengan bekerjasama dengan *United Nations Statistical Institute of Asia Pacific (UNSIAP)* untuk menganjurkan kursus antarabangsa *First Sub-Regional Course on System of Environmental-Economic Accounting (SEEA)* pada 23 - 27 September 2013 yang turut disertai oleh peserta daripada Indonesia, Myanmar, Viet Nam, Filipina dan Cambodia. Usahasama ini adalah selaras dengan jaringan strategik yang juga telah dilaksanakan oleh beberapa negara dunia seperti China-UNSD dan Korea Selatan- EU.

17. Amalan *Management By Walking About* juga akan diteruskan pada 2014. Dalam melaksanakan *walk about* ini, banyak penambahbaikan telah dicadangkan dengan melihat sendiri keadaan di Pejabat Operasi di setiap negeri. Selain itu, pertemuan antara pengurusan dan warga Jabatan ini juga dapat mengeratkan dan merungkaikan isu-isu yang dibangkitkan.
18. Tahniah saya ucapkan juga kepada semua warga JP Negeri yang telah memperoleh pensijilan Amalan 5S daripada MAMPU dan juga di peringkat Ibu Pejabat daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia 2013. Kerjasama dan komitmen padu daripada setiap warga Jabatan telah menyumbang kepada kejayaan ini. Persekitaran yang kondusif memberi impak kepada produktiviti warga Jabatan. Oleh itu, saya menyeru semoga semua warga Jabatan dapat sama-sama berganding bahu untuk memastikan amalan 5S dapat dilaksanakan secara berterusan dan memastikan ia menjadi amalan oleh kesemua warga Jabatan.
19. Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti sosial yang dianjurkan oleh persatuan dan kesatuan di Jabatan juga tidak kurang pentingnya dalam pembangunan sahsiah dan memupuk semangat kekitaan di kalangan warga Jabatan. Setinggi-tinggi tahniah atas penganjuran aktiviti yang bermanfaat ini dan penyertaan aktif oleh warga Jabatan seperti Sukan Antara Zon, pelbagai aktiviti sukan antara ahli persatuan/kelab, majlis tilawah, sambutan maulidul rasul, sesi-sesi lawatan ke rumah orang

tua/asnaf, kursus/ ceramah bagi ahli serta anak-anak dan lain-lain. Semoga aktiviti ini dapat diteruskan untuk manfaat warga Jabatan jua.

20. Pada tahun 2014 ini, dua aktiviti besar akan dijalankan oleh Jabatan. Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014 akan mula dijalankan pada Januari sehingga Disember 2014. Penyiasatan bersepadu yang pertama kali di jalankan ini bertujuan untuk mengumpul maklumat pola taburan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah, mengenal pasti golongan miskin dan mengenal pasti tahap kemudahan asas yang dinikmati oleh isi rumah di Malaysia. Manakala, data perbelanjaan digunakan dalam pengiraan wajaran Indeks Harga Pengguna (IHP) yang merupakan proksi kepada pengukuran kadar inflasi Negara. Sebanyak 83,352 tempat kediaman akan terlibat dengan penyiasatan ini. Manakala, Banci Perdagangan Edaran 2014 pula akan melibatkan sebanyak 700,000 pertubuhan borong dan runcit serta automatif di seluruh negara. Banci yang dijalankan sekali dalam tempoh 5 tahun ini dilaksanakan bertujuan untuk mendapatkan struktur dan profil sektor ini, mendapatkan maklumat PKS dan juga untuk pengelasan semula indeks Keluaran Dalam Negeri Kasar. Data bagi penyiasatan dan banci ini juga akan digunakan oleh Kerajaan sebagai input bagi penyediaan Rancangan Malaysia Ke-11. Jabatan memainkan peranan penting dalam membekalkan data untuk penyediaan RMK-11 dan akan terlibat secara langsung dalam sesi perbincangan yang berkaitan. Bersama-samalah kita bekerjasama memastikan kejayaan kedua-dua Banci ini.
21. Pembangunan *Statistics Data Warehouse* (StatsDW) diteruskan pada 2014 iaitu memasuki fasa penyediaan infrastruktur. StatsDW akan menjadi *One Stop Centre* bagi keperluan maklumat/data bukan sahaja untuk warga Jabatan malah pengguna data amnya.

22. Perkembangan statistik peringkat antarabangsa memberi impak kepada perkembangan statistik dalam negara. Pada 2013, *Big data* terus dibincangkan di forum antarabangsa dan dijangka membawa perubahan besar dan akan membentuk abad ke 21 sebagaimana perkembangan pembangunan *nanotechnology* dan juga *quantum computing* (*Big Data for Development: Challenges & Opportunities 2012, Global Pulse, United Nations*). Big data dalam bentuk digital seperti *call logs*, transaksi perbankan atas talian, *online user-generated contents* termasuk *blog posts* dan *tweets*, carian atas talian, imej satelit dan lain-lain boleh diproses bagi memperoleh trend dan *pattern* dalam bentuk *real time* daripada set data ini. Maklumat hasil daripada *data mining* ini boleh melengkapkan statistik rasmi yang diperolehi daripada penyiasatan yang dijalankan dan membolehkan penggubal dasar memantau perkembangan program pembangunan di samping memahami di mana polisi dan program semasa memerlukan pelarasan. Dari aspek prosesan, teknologi pelbagai platform telah tersedia untuk digunakan bagi memproses dan menganalisis *big data*. Justeru, Jabatan perlu bersedia untuk memenuhi permintaan data yang bukan sahaja dalam ruang lingkup sedia ada tetapi juga memenuhi keperluan pada masa hadapan.
23. Revolusi data turut dibincangkan di arena antarabangsa khususnya berkaitan *Post 2015 Development Agenda* yang menegaskan keperluan untuk merapatkan jurang data dalam aspek kualiti dan kebolehcapaian (*accessibility*) data. Terdapat empat komponen berkaitan revolusi data ini merangkumi aspek kualiti dan ketepatan masa (*timeliness*); jurang data; ketelusan, kebolehcapaian dan ketersediaan data dan juga menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber. Antara perkara yang ditekankan untuk membolehkan revolusi data ini dilaksanakan ialah peranan badan statistik nasional sebagai penyelaras; meningkatkan sumber dalam bentuk kewangan dan juga infrastruktur; pembangunan kapasiti statistik seperti pelan pembangunan statistik yang mantap dan merapatkan jurang pengetahuan; penggunaan *big data* dan penggunaan teknologi dan *tool*

yang sesuai antaranya dalam pengumpulan maklumat dan persembahan data.

24. Menjadi harapan saya supaya tahun 2014 akan membawa lebih banyak kejayaan dan kecemerlangan kepada Jabatan. Dengan usaha yang berterusan dan kerjasama padu warga Jabatan untuk terus memberikan yang terbaik, saya yakin bahawa warga Jabatan dapat bersama-sama menyumbang kepada kejayaan Jabatan mencapai visi dan misi Jabatan.

**Selamat Menyambut Tahun Baru 2014.**

Sekian, terima kasih.

**DR. ABDUL RAHMAN BIN HASAN  
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA  
1 JANUARI 2014**